



● DATUK MUSA

Musa: Langkah pembetulan akan diambil

KERAJAAN berazam mengambil langkah pembetulan untuk mengembeng usaha semua pihak ke arah matlamat menjadikan Malaysia negara perindustrian, kata Datuk Musa Hitam hari ini.

Jika perlu, kerajaan akan menggubal dasar dan strategi baru bagi mencapai matlamat itu, kata beliau di upacara penamaan kapal 'Yayasan Tujuh' di Limbungan Kapal

LABUAN, Sabtu

Sabah, di sini.

Timbalan Perdana Menteri menegaskan kemelesatan ekonomi dunia dan sekatan perdagangan di negara-negara maju tidak boleh lagi dijadikan alasan untuk tidak berusaha mencari pasaran baru bagi hasil keluaran Malaysia.

Beliau menyeru para pekilang, usahawan, peniaga dan pengeksport bercita-cita tinggi dan mengambil pendekatan lebih agresif bagi meningkatkan pamaran eksport barang-barang Malaysia.

Di samping meluaskan pasaran yang sedia ada, pasaran baru di negara-negara lain yang berjaya meningkatkan kuasa

membeli rakyatnya juga perlu dicari.

"Marilah kita belajar rhabis kejayaan syarikat-syarikat dari Republik Korea dan Jepun dengan menghayati teknik-teknik terbaru bagi meluas dan membuka pasaran baru," kata Datuk Musa.

Tempahan

Republik Korea, kata beliau lebih banyak mengeksport barang-ki-angan berasaskan getah aul sedangkan ia tidak mempunyai ladang getah. Jepun pula muncul sebagai negara industri utama meski pun mempunyai sumber kekayaan alam.

"Kita harus menyelidiki apakah kita belum menajma menjadi negara perindustrian," kata beliau.

Untuk menggalakkan pertumbuhan industri kerajaan mengadakan pebagal galakan termasuk sistem perakuan yang liberal untuk menarik para pelabur membantu memesatkan rancangan perindustrian negara.

Dalam bidang perdagangan antarabangsa, di samping menganjurkan rombongan perdagangan ke berbagai negara, kerajaan telah mewujudkan sistem mesagan permintan dunia bagi barang-barang yang di kilangan di Malaysia.

Antara lain langkah yang dilakukan untuk meningkatkan pamaran barang Malaysia di luar negeri ialah meluaskan satu sistem jaminan eksport.

Datuk Musa melahirkan harapan Sabah juga akan mencapai kemajuan pesat dalam bidang industri perkilangan.

Dalam hal ini beliau memuji Ketua Menteri, Datuk Harris Salleh yang telah menunjukkan kepemimpinan dinamis.

"Beliau telah menyambatkan setiap peluang dengan cepat dan pantas untuk memajukan sektor perkilangan khususnya dan bidang industri umumnya," kata beliau.

Mengenai kegiatan limbungan kapal itu, Timbalan Perdana Menteri berkata beliau gembira mendapat tahu ia telah mendapat kontrak tempatan bernilai \$4 juta.

Beliau bangga terhadap kerja-kerja kejuruteraan serta langkah-langkah memodenkan kemudahan serta alat-alat di limbungan tersebut.

Beliau berharap limbungan kapal itu akan menghasilkan kerja-kerja kejuruteraan yang payah ditandingi supaya mendapat tempahan yang lebih banyak.

Upacara penamaan kapal 'Yayasan Tujuh' itu diiktirafkan oleh Menteri Timbalan Perdana Menteri, Datu Maria. — Berhema.

Bahan asal dari Artikel
Negara Malaysia